



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 22 FEBRUARI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 22 Februari 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **3,414 kes** (252,623 kes kumulatif, 88.4%);
- Kes baharu : **2,192 kes** (285,761 kes kumulatif);
- Kes import : **3 kes** (2 warganegara;1 bukan warganegara)
- Kes tempatan : **2,189 kes** [1,337 warganegara (61.1%); 852 bukan warganegara (38.9%)];
- Kes aktif : **32,076 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **199 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **91 kes**; dan
- Kes kematian : **6 kes** (1,062 kes kumulatif, 0.37%).

Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **910 kes (41.5 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **742 kes (81.5 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **303 kes (13.8 peratus)** dan Sarawak sebanyak **221 kes (10.1 peratus)**.

Sebanyak **109 kes (5.0 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster-kluster di penjara dan depot tahanan imigresen yang membabitkan Kluster Tembok Tapah (39 kes), Kluster Tembok Bendera (26 kes), Kluster Penjara Jalan Harapan (25 kes), Kluster Tembok Pengkalan Chepa (9 kes), Kluster Tembok Bukit Besi (6 kes), Kluster Tembok Taiping (2 kes), Kluster Tembok Sungai Udang (1 kes), dan Kluster DTI Sepang 2 (1 kes).

Kes-kes kematian pada hari ini melibatkan dua (2) kes di Selangor, dan masing-masing satu (1) kes di Pahang, Johor, Sabah, dan Sarawak. Sebanyak lima (5) kes kematian melibatkan warganegara dan satu (1) kes bukan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada semua ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

## **MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER**

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 22 Februari 2021:

- Jumlah kluster : **1,082 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **8 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **578 kluster** (termasuk **14 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Parit Jamil, Kluster Manik, Kluster Batu Lapan, Kluster Paloh Tumpat, Kluster Pondok Hidayah, Kluster Sungai Chemubong, Kluster Jalan TJ, Kluster Stutong, Kluster Sungai Ibor, Kluster Industri Apas, Kluster Jalan KKIP Selatan, Kluster Kampung Bukit Lada, Kluster Teknologi Kesidang, dan Kluster Tropika**);
- Jumlah kluster aktif : **504 kluster**;
- Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **99 kluster**; dan
- Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Sungai Putus (186 kes)**,

## **Kluster Tapak Bina Jalan Pantai (62 kes), dan Kluster Jalan Cochrane (54 kes).**

### **KLUSTER BAHARU**

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **lapan (8) kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini, yang melibatkan tujuh (7) kluster berkaitan tempat kerja dan satu (1) kluster melibatkan komuniti.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

<b>No.</b>	<b>Nama Kluster</b>	<b>Negeri</b>	<b>Kategori Kluster</b>
1	Tapak Bina Jalan Kota	Selangor	Tempat Kerja
2	Tapak Bina Lombong Timah	Selangor	Tempat Kerja
3	Pasar Jalan Putra	Selangor	Tempat Kerja
4	Tapak Bina Sungai Batu	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
5	Industri Sungai Gadut	Negeri Sembilan	Tempat Kerja
6	Hilir Sungai Kluang	Pulau Pinang	Tempat Kerja
7	Sungai Bakong	Sarawak	Tempat Kerja
8	Emperoh Jambu	Sarawak	Komuniti

## **NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19**

KKM ingin menasihati orang ramai agar terus patuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**)

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

22 Februari 2021 @ 6.00 petang.

**LAMPIRAN 1**

**BILANGAN KES COVID-19  
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA  
(SEHINGGA 22 FEBRUARI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

<b>NEGERI</b>	<b>BILANGAN KES BAHARU *( )</b>	<b>BILANGAN KES KUMULATIF</b>
<b>SELANGOR</b>	910	95,305
<b>SABAH</b>	110	52,174
<b>JOHOR</b>	211 (1)	34,024
<b>WP KUALA LUMPUR</b>	303 (2)	33,643
<b>NEGERI SEMBILAN</b>	64	14,048
<b>PULAU PINANG</b>	135	10,723
<b>PERAK</b>	148	9,468
<b>SARAWAK</b>	221	8,164
<b>KEDAH</b>	26	7,495
<b>MELAKA</b>	14	5,865
<b>KELANTAN</b>	28	4,515
<b>PAHANG</b>	7	3,710
<b>TERENGGANU</b>	4	3,135
<b>WP LABUAN</b>	0	2,236
<b>WP PUTRAJAYA</b>	7	1,049
<b>PERLIS</b>	4	207
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>2,192 (3)</b>	<b>285,761</b>

**Kes positif 2,192 kes COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 22 Februari 2021 adalah seperti berikut:**

- **Selangor: 910 kes**

- 415 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Jalan Kota, Tapak Bina Lombong Timah, dan Kluster Pasar Jalan Putra;**
- 327 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 168 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 303 kes**

- 177 kes daripada kluster-kluster, termasuk 25 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Tapak Bina Sungai Batu;**
- 61 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
- Dua (2) kes import dari luar negara; dan
- 63 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 221 kes**
  - 87 kes daripada kluster-kluster, termasuk 68 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Emperoh Jambu dan Kluster Sungai Bakong**;
  - 91 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 43 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Johor: 211 kes**
  - 85 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 68 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
  - Satu (1) kes import dari luar negara; dan
  - 57 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Perak: 148 kes**
  - 102 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
  - 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 26 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
  
- **Pulau Pinang: 135 kes**
  - 60 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Hilir Sungai Kluang**;



- 36 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 39 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Sabah: 110 kes**
    - 52 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 18 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Negeri Sembilan: 64 kes**
    - 13 kes daripada kluster-kluster, termasuk tujuh (7) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Industri Sungai Gadut**;
    - 20 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - 31 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kelantan: 28 kes**
    - 15 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - Sembilan (9) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Kedah: 26 kes**
    - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;

- 10 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
  - 10 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Melaka: 14 kes**
    - Enam (6) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Tiga (3) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Pahang: Tujuh (7) kes**
    - Lima (5) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
    - Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: Tujuh (7) kes**
    - Tiga (3) kes daripada kluster sedia ada;
    - Tiga (3) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
    - Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.
- **Terengganu: Empat (4) kes** daripada kluster-kluster sedia ada.

- **Perlis: Empat (4) kes**

- Dua (2) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Dua (2) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

### LAMPIRAN 3

Ringkasan enam (6) kes kematian pada 22 Februari 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	No. Kes	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1057	209535	Pahang	Lelaki (WN)	25	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	<i>Mediastinal Tumour</i>
1058	243698	Sabah	Perempuan (WN)	50	Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu	Penyakit darah tinggi dan kanser paru-paru
1059	245106	Sarawak	Lelaki (WN)	59	Hospital Sibul	<i>Mixed Connective Tissue Disease (MCTD)</i>
1060	272661	Selangor	Perempuan (WN)	76	Hospital Sungai Buloh	Penyakit darah tinggi, dislipidemia, strok, dan jantung
1061	278701	Selangor	Lelaki (WN)	84	Hospital Sungai Buloh	Penyakit kencing manis, darah tinggi, paru-paru obstruktif kronik (COPD)
1062	273923	Johor	Lelaki (BWN)	17	Jenazah dibawa ke Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	-

\*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara.

**Perincian lapan (8) kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:**

**1. KLUSTER TAPAK BINA LOMBONG TIMAH**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kuala Langat, Petaling, dan Klang di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 14 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Jalan Lombong Timah 3, Bandar Saujana Putra, Kuala Langat. Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah 566 individu telah disaring, di mana **45 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

**2. KLUSTER TAPAK BINA JALAN KOTA**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Gombak di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak di Kawasan Perindustrian Kota Elmina, Rawang, Gombak. Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah 121 individu telah disaring, di mana **11 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 3. KLUSTER PASAR JALAN PUTRA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Petaling di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 20 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah perniagaan runcit yang terletak dalam kawasan pasar borong di Sri Kembangan, Petaling. Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah 115 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 4. KLUSTER TAPAK BINA SUNGAI BATU

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Kepong di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 pada 22 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah tapak binaan yang terletak berhampiran Sungai Batu di Jalan Ipoh, Kepong. Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah 385 individu telah disaring, di mana **25 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

### 5. KLUSTER EMPEROH JAMBU

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuching dan Samarahan di Sarawak . Kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-271927) dilaporkan positif COVID-19 pada 17 Februari 2021 hasil saringan sendiri. Kluster ini melibatkan satu majlis pengebumian

di Kampung Emperoh Jambu, Padawan, Samarahan yang berlangsung di antara 3 hingga 5 Februari 2021. Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah 337 individu telah disaring, di mana **60 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **6. KLUSTER SUNGAI BAKONG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Meradong di Sarawak. Tiga (3) kes indeks dalam kluster ini (iaitu kes ke-277615, kes ke-277617, dan kes ke-277618) dilaporkan positif COVID-19 pada 19 Februari 2021 hasil saringan individu-individu bergejala. Kluster ini melibatkan sebuah pusat pengajian yang terletak berhampiran dengan Sungai Bakong di Meradong. Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah 593 individu telah disaring, di mana **22 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **7. KLUSTER HILIR SUNGAI KLUANG**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, Barat Daya, dan Timur Laut di Pulau Pinang. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 13 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Hilir Sungai Kluang, Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas, Barat Daya. Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah 327 individu telah

disaring, di mana **41 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

## **8. KLUSTER INDUSTRI SUNGAI GADUT**

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seremban, Rembau, dan Tampin di Negeri Sembilan. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 16 Februari 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Kawasan Perindustrian Sungai Gadut, Seremban. Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah 2,044 individu telah disaring, di mana **65 kes** telah dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.